

## Pulang dengan Saliran Leher Setelah Operasi Kepala dan Leher

### Apa itu saliran leher dan mengapa saya memerlukannya?

- Saliran adalah tiub yang mengeluarkan cecair dari tempat pembedahan. Ia membantu luka pembedahan sembuh dengan lebih cepat dan mengurangkan risiko pembengkakan.
- Saliran leher boleh disimpan sehingga lima hari atau sehingga jumlah cecair yang dikeluarkan menjadi minimal.


### Mengapa saya digalakkan pulang dengan saliran leher tersebut?

- 1 atau 2 hari sesudah dioperasi, pesakit akan merasa lebih sihat untuk menjalankan kegiatan-kegiatan harian mereka sendiri tanpa atau memerlukan bantuan yang minimal.
- Hari-hari berikutnya mungkin hanya menunggu saliran leher untuk dikeluarkan.
- Penjagaan saliran leher tidak rumit dan boleh dijaga oleh pesakit atau ahli keluarga yang lain dengan mudah.
- Pihak hospital boleh mengajar anda atau ahli keluarga anda cara-cara menjaganya, Dengan cara ini, anda bisa keluar dari hospital lebih awal dan luangkan masa dengan keluarga anda.

### Bagaimana saya menjaga saliran saya?

Lihat gambar di bawah ini untuk bahagian-bahagian saliran leher.

#### 1. Saliran Leher Redivac (*Redivac Drain*)



Gambar hakmilik Dr. Li Hao

2. Rujuk gambar di bawah mengenai cara melekatkan dan membawa saliran leher anda:



b. Pastikan saliran leher anda dilekatkan di leher dengan pelekat.



c. Anda harus membawa saliran leher bersama anda.

**Apakah masalah yang mungkin berlaku dengan saliran leher saya dan bagaimana cara-cara untuk saya mengatasinya?**

1. Tiada sedutan vakum:

- Udara di dalam botol saliran leher anda akan dikeluarkan untuk mewujudkan vakum. Ini akan membolehkan pengeluaran cecair dari tempat pembedahan dengan lebih berkesan.
- Vakum ini tidak boleh hilang kecuali pakar bedah anda secara khusus menginginkannya.
- Sekiranya penunjuk vakum mengembang (lihat gambar di bawah), ini bermaksud bahawa vakum di dalam botol saliran leher anda mungkin sudah tiada lagi.
- Sekiranya ini berlaku selepas anda pulang ke rumah, segera lawati
  - o **Waktu pejabat** (*Isnin hingga Jumaat: 9 pagi hingga 5 petang*)  
Klinik 1B, Hospital Tan Tock Seng
  - o **Selepas waktu pejabat atau pada hujung minggu dan cuti umum**  
Jabatan Kecemasan (*Emergency Department*) Hospital Tan Tock Seng
- Doktor atau jururawat kami akan membantu anda.



Petunjuk sedutan mengembang apabila vakum hilang

Gambar hakmilik Dr. Li Hao

## 2. Tiub Saliran

- Tiub saliran tidak harus dikepit supaya aliran cecair bisa mengalir keluar dari tempat pembedahan
- Sekiranya anda mendapati tiub saliran anda terkept, lepaskannya (rujuk gambar di bawah) dengan segera supaya pengeluaran cecair boleh dilanjutkan semula.



Salah: Saliran dikepit




Betul: Saliran tidak dikepit

Gambar hakmilik Dr. Li Hao

## 3. Sambungan Botol Saliran

- Tiub saliran leher anda akan disambung ke botol.
- Sekiranya pemutusan berlaku secara tidak sengaja, anda harus membersihkan kedua-dua hujung bahagian penyambung (*seperti gambar dibawah*) dengan kapas alkohol atau tuala bersih sebelum menyambungkannya kembali.
- Setelah disambung, anda harus memeriksa dan memastikan yang sambungan itu ketat



Untuk menyambung kembali saluran leher ke botol, anda harus:

- Bersihkan kedua-dua bahagian penyambung dengan kapas alkohol atau tuala bersih
- Sambungkan bahagian penyambung dan skru.
- Pastikan sambungan itu ketat.

Gambar hakmilik Dr. Li Hao

#### 4. Botol Saliran Penuh

- Botol saliran yang terisi penuh perlu diganti. Namun, ini jarang berlaku selepas anda keluar dari hospital.
- Jika botol pembuangan anda penuh, anda boleh lawati kami di:
  - **Waktu pejabat** (*Isnin hingga Jumaat: 9 pagi hingga 5 petang*)  
Klinik 1B, Hospital Tan Tock Seng
  - **Selepas waktu pejabat atau pada hujung minggu dan cuti umum**  
Jabatan Kecemasan (*Emergency Department*) Hospital Tan Tock Seng

#### Siapa yang saya boleh hubungi sekiranya saya memerlukan bantuan?

Anda boleh hubungi kami seperti berikut:

- **Waktu pejabat** (*Isnin hingga Jumaat: 9 pagi hingga 5 petang*)  
Klinik 1B, Hospital Tan Tock Seng  
**Telefon:** (+65) 6889 4180
- **Selepas waktu pejabat** (*Isnin hingga Jumaat: Selepas 5 petang hingga 9 pagi*), **pada hujung minggu dan cuti umum**
  - Jabatan Kecemasan (*Emergency Department*) Hospital Tan Tock Seng
  - **Atau** anda boleh hubungi talian utama kami untuk berbicara dengan pegawai perubatan ENT:  
**Telefon:** (+65) 6256 6011